

Headline	FRIM pupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan guru		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	03 Jun 2022	Color	Black/white
Section	News	Circulation	31,034
Page No	10	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	221 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 824
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,471



## FRIM pupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan guru



CARA PENJAGAAN: Teh menanam pokok pada Program Kelestarian Biodiversiti dan Wacana Ilmu 2022 di Sektor Sumber Teknologi Pendidikan Perlis, Kangar, semalam. — *Gardian Bernama*

**KANGAR:** Lebih 100 guru daripada 30 sekolah di Perlis terlibat dalam Program Kelestarian Biodiversiti dan Wacana Ilmu 2022 yang julung kali diadakan di negeri ini.

Menteri Besar Perlis Datuk Seri Azlan Man berkata penginjuran program berkenaan dikhususkan kepada guru memandangkan mereka adalah penggerak utama bagi membimbing para pelajar di sekolah.

"Aktiviti bagi melestarikan alam sekitar perlu dipupuk dalam jiwa seluruh masyarakat sejak di peringkat sekolah lagi. Program ini merupakan satu daripada usaha berterusan kerajaan negeri dalam memupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan masyarakat," kata Azlan.

Tekucapan Azlan dibacakan

oleh Exco Sumber Asli & Alam Sekitar, Bioteknologi & Teknologi Hijau dan Kesihatan Perlis Teh Chai Aan, sempena majlis pelancaran program berkenaan yang berlangsung di Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP) Negeri Perlis di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Dr Noor Azlin Yahya.

Turut berlangsung gimik penanaman lima anak pokok oleh dif-dif kehormat di sekitar perkarangan kawasan SSTP.

Dalam program sama, peserta program turut menerima sumbangan buku terbitan FRIM serta bahan bacaan berkaitan pemeliharaan alam sekitar.

Sementara itu, Nor Azlin ber-

kata program anjuran FRIM dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perlis dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Perlis itu adalah bertujuan bagi menggalakkan penglibatan guru sekolah dalam aktiviti kelestarian alam.

"Program ini dapat memupuk semangat cintakan alam sekitar melalui aktiviti penanaman pokok dalam kalangan masyarakat khususnya guru dan pelajar sekolah bagi menyokong Kempen Penanaman 100 Juta Pokok," katanya.

Tambah Nor Azlin pihaknya juga berharap agar perkongsian menerusi sesi wacana yang dianjurkan dalam program itu dapat membantu memberikan impak berkesan kepada masyarakat berhubung pemeliharaan alam sekitar di negara ini. — *Bernama*